

Headline	Strategi pengurusan hutan lestari digubal		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Nov 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 541
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,623



Strategi pengurusan hutan lestari digubal

KUALA LUMPUR, Isnin — Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengubal pelbagai strategi untuk memenuhi ikrarnya memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus bumi Malaysia terus mempunyai hutan dan pokok.

Menteri berkenaan Datuk Seri G. Palanivel berkata ikrar yang dibuat pada Sidang Kemuncak Bumi Rio 1992 di Rio de Janeiro, Brazil itu akan menghasilkan alam sekitar lestari, ekonomi hijau dan gaya hidup seimbang pada masa akan datang.

Katanya pelbagai peluang serta insentif berkaitan hutan, khususnya di Asia dan Malaysia, akan dilaksanakan melalui amalan pengurusan hutan

lestari dan penanaman semula hutan yang mengalami degradasi serta ditebang melalui kegiatan pembalakan.

"Satu daripada strategi ini ialah mengurangkan pengeluaran daripada penebangan hutan dan degradasi hutan, yang menyediakan insentif kerana bergerak ke arah ekonomi hijau dan rendah karbon.

"Ini termasuk meningkatkan permintaan terhadap rekreasi dan ekopelancongan, yang boleh menjana pendapatan dan insentif bagi pemuliharaan hutan dan pengurusan landskap," katanya dalam ucapan pembukaan di Persidangan Perhutanan dan Produk Hutan 2013 di sini hari ini.

Palanivel berkata Malay-

sia diiktiraf sebagai antara 12 negara di dunia di mana sumber hutannya menyokong kewujudan beraneka spesies flora dan fauna yang unik serta endemik kepada negara dan rantau ini.

Katanya pengurusan hutan mengalami perubahan pesat di peringkat tempatan dan global.

"Oleh itu, kita perlu mengurus hutan semula jadi kita berdasarkan perubahan yang berlaku. Mungkin, inilah antara sebab pengeluaran kayu-kayan di Asia, termasuk Malaysia, berubah ke arah hutan yang ditanam.

Beliau berkata penyelidikan memainkan peranan yang amat penting untuk memenuhi cabaran itu dan dalam memanfaatkan peluang yang ada mel-

alui penggunaan kemajuan terkini dalam bidang sains dan teknologi untuk kebaikan manusia dan alam semula jadi.

"Itulah sebabnya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia terlibat secara aktif dalam mempromosi kegiatan ekopelancongan dengan meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap usaha negara ini dalam mengurus hutan kita dan menggunakan hasil hutan kita secara lestari dan bertanggungjawab," katanya.

Persidangan dua hari ini menghimpunkan pemegang kepentingan untuk berkongsi pencapaian dan pengalaman mereka dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan hutan. — Bernama